



KENYATAAN MEDIA

KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

KOORDINASI PENGHANTARAN BANTUAN KEMANUSIAAN DAN PERUBATAN KE SEMENANJUNG GAZA, PALESTIN

1. Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) sentiasa mengikuti perkembangan yang berlaku di Semenanjung Gaza, Palestin serta telah mengenal pasti keperluan bantuan kemanusiaan dan perubatan yang diperlukan.
2. Menerusi maklumat yang disampaikan oleh Gaza-Medics Worldwide, daripada sejumlah 35 buah hospital yang terdapat di Semenanjung Gaza, satu per tiga telah pun musnah.
3. Sehubungan itu, perlu ada usaha untuk memulih dan menambah baik lagi kemudahan perkhidmatan perubatan di hospital-hospital yang masih beroperasi.
4. Penambahan kemudahan ini bertujuan untuk menampung keperluan perkhidmatan yang mendesak dan sangat diperlukan oleh rakyat di Semenanjung Gaza, Palestin buat masa ini.
5. Atas semangat solidariti terhadap rakyat Palestin, KKM telah mengambil langkah menyediakan bantuan kemudahan perubatan untuk dihantar ke Semenanjung Gaza, Palestin.
6. Usaha ini dibuat menerusi kerjasama dengan badan-badan bukan Kerajaan (NGO) dan Kementerian Luar Negeri Malaysia. Bantuan tersebut adalah seperti berikut:
 - Alat-alat *consumable* seperti *syringe pump*, *suture*, *IV cannula*, *dressings* dan *bandage*.
 - Perkhidmatan *neurosurgery* dan *surgical trauma*.
 - Kemudahan peralatan seperti *medical beds* dan
 - Ubat-ubatan yang bersesuaian.

7. Bantuan kemudahan perubatan pertama dari Malaysia telah dilaksanakan pada 3 November 2023 iaitu sebanyak 20 tan dan penerbangan kedua pula dibuat pada 11 November 2023 juga sebanyak 20 tan.
8. KKM akan menghantar alat guna habis *consumables* dan ubat-ubatan dalam siri penghantaran bantuan kali ketiga dalam tempoh yang terdekat.
9. Buat masa ini, penghantaran pasukan perubatan belum dapat dilaksanakan kerana belum dibenarkan, mengambil kira keadaan semasa peperangan yang masih berlaku di Semenanjung Gaza, Palestin.
10. Walau bagaimanapun, KKM bersedia dan telah mengenal pasti pasukan perubatan yang boleh dimobilisasikan sebaik sahaja kebenaran diberikan.
11. Pasukan perubatan ini juga akan didedahkan dengan latihan persediaan yang bersesuaian kerana akan terlibat dalam merawat mangsa-mangsa bencana peperangan.
12. Penghantaran akan dibuat menerusi kerjasama Kementerian Luar Negeri dan agensi awam lain serta koordinasi oleh International Red Crescent.
13. Sekali lagi, KKM ingin menegaskan bahawa tindakan pengeboman ke atas hospital merupakan suatu tindakan yang melanggar hak asasi manusia, tidak berperikemanusiaan serta sangat bertentangan dan melanggar Konvensyen Antarabangsa Geneva.
14. Tindakan seperti ini perlu dihentikan serta-merta bagi membolehkan hospital yang masih beroperasi dapat terus memberikan bantuan perawatan perubatan kepada rakyat Palestin yang tercedera.
15. KKM sentiasa memanjatkan doa demi keselamatan dan kesejahteraan rakyat Palestin serta berharap agar peperangan ini dapat diakhiri dengan secepat mungkin.

KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA
13 November 2023